

Cinta keluarga tak ada tandingnya — Dr Siti Hasmah

KUALA LUMPUR, Selasa

PERASAAN mengasihi keluarga adalah penting dan sama dalam mendidik anak yang cacat supaya terus hidup berdikari, kata isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Haji Mohd Ali.

Beliau berkata, kasih, sokongan dan cinta yang tidak berbelah-bagi kepada anak yang cacat membantunya menghadapi masa depan dengan lebih berani dan yakin.

"Tiada cinta di dunia ini yang setanding dengan kasih sebuah keluarga yang mempunyai sikap positif untuk terus membentuk hidup anak yang cacat dalam keluarga, ujarnya.

Datin Seri Dr Siti Hasmah berkata demikian ketika membentangkan kertas-kerjanya bertajuk, "Keluarga: Sifat Kasih dan Sayang Kepada Orang-orang Cacat" di peralangan ke 7 Persatuan Pemulihan Antarabangsa Asia dan Pasifik anjuran Majlis Pemulihan Malaysia di sini hari ini.

Beliau yang juga Presiden Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat, Wilayah Persekutuan dan Selangor, berkata sikap positif dan realistik sebuah keluarga boleh mempengaruhi sebahagian besar dari hidup anak-anak cacat untuk menghadapi hidup masa depannya.

Memurahnya, keluarga adalah orang yang paling dekat kepada anak-anak cacat, boleh mewujudkan persekitaran dan masyarakat yang ingin membantu dan mendidik mereka supaya berdikari peringkat demi peringkat.

Katanya, sifat dan sikap negatif keluarga boleh membunuh pertumbuhan dan perkembangan mereka dan juga secara tidak langsung menyahkan keluarga dan masyarakat.

Sebagai sebuah keluarga, tegas Datin Seri Dr Siti Hasmah, perasaan

bangkang dan rasa bersalah ibu bapa setelah anak cacat dilahirkan, hendaklah dikikis bagi mengelakkan perasaan kecewa dan putus asa anak.

"Ibu bapa dan ahli keluarga janganlah menceren atau menyalahkan satu sama lain tetapi hendaklah berusaha bagaimana anak yang cacat itu boleh menerima hakikat hidup dengan tanggungjawab di samping memberi sokongan emosi untuk hidup," tebetus belia.

Tambahnya, sifat membuang anak atau tidak menerima sama sekali anak yang cacat dalam keluarga dan tidak membantu memulihkan kehidupan mereka adalah sikap yang keterlaluan.

Katanya, ibu bapa sebaliknya hendaklah mempunyai ketekunan, mengikis perasaan jemu di samping menanamkan sifat ingin berbakti bagi mengembalikan sikap kekurangan anak ke pangkuan keluarga dan masyarakat.

Pakar runding, ujaranya, juga mempunyai tugas menyedarkan ibu bapa yang mempunyai anak yang cacat supaya tidak menyalah-diri sendiri atau orang lain setelah kelahiran anak cacat.

Selain membantu keluarga itu, kata Datin Seri Dr Siti Hasmah, pakar runding juga boleh membantu anak-anak cacat menyertai lapangan yang diminati dan mengelakkan perasaan derita atau dukacita atas kelahirannya.

Sebagai sebuah keluarga yang bertanggungjawab, keluarga yang mempunyai anak cacat haruslah mempunyai sikap:

- Menerima permintaan asas anak-anak cacat yang lain dari kanak-kanak biasa.
- Komunikasi adalah salah satu aspek yang penting untuk memahami kelemahan dan kelebihan anak-anak cacat.
- Kebebasan dalam perkembangan dan pertumbuhan tidak kira sama ada anak cacat itu betul-betul cacat atau seperuh cacat.
- Perhatian khas dan kasih dari keluarga perlu bagi mewujudkan sifat dan sikap anak-anak cacat yang lahiriah dari terpendam.



● SIFAT peramah dan kasih isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Haji Mohd Ali bukan sahaja lahir juga terpancar di wajahnya semasa bersalaman dengan Dr Masao Nagai dari Jepun selepas Datin Seri Dr Siti Hasmah membentangkan kertas-kerja di Persidangan Pemulihan Antarabangsa Asia

dan Paclik ke 7, di Kuala Lumpur semalam.

Dr Nagai, sambil dibantu oleh salah seorang dari dua pembantunya, mengidap penyakit "tetraplegic" dan cacat dari lehernya kerana kemalangan Jalan raya pada tahun 1958.— Gambar Berita Harian.